

PENGHURAIAN KERJA PERKHIDMATAN PENOLONG PEMERIKSA KAPAL TERBANG

1. SKIM PERKHIDMATAN

Penolong Pemeriksa Kapal Terbang Gred A29, A36, A38, A40

2. PERINGKAT ORGANISASI

Jabatan Penerbangan Awam Malaysia.

3. RINGKASAN TUGAS

Bertanggungjawab untuk memantau penyelenggaraan pesawat jabatan yang di selenggara oleh syarikat swasta agar menurut piawaian yang disediakan dan menggunakan pesawat tersebut untuk menjalankan pemeriksaan atas peralatan-peralatan nav aids seperti yang dijadualkan (kalibrasi) agar semua peralatan tersebut menepati piawaian antarabangsa (ICAO) yang telah ditetapkan dan selamat untuk digunakan oleh pesawat-pesawat awam.

4. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS

4.1 Penolong Pemeriksa Kapal Terbang Gred A29, A36

4.1.1 Aspek Kalibrasi (Calibration)

- a. Menjalankan ujian penuh ke atas fasiliti nav aids selepas dipasang dan sebelum memenuhi piawaian dan spesifikasi.
- b. Melaksanakan ujian secara berkala ke atas fasiliti peralatan nav aids memenuhi piawaian dan spesifikasi serta ujian khas ke atas fasiliti nav aids yang telah dibaik pulih.
- c. Membuat laporan dan mengklasifikasi peralatan yang telah diuji.
- d. Menguruskan Makmal Elektronik dan Inventori serta kalibrasi peralatan alat uji makmal dan AFIS.
- e. Menyenggara peralatan-peralatan yang digunakan untuk menjalankan ujian ke atas fasiliti nav aids seperti FIS, DGPS dan Radio Komunikasi dan peralatan-peralatan sokongan seperti MAGGS dan Radio Telemetry Theodolite (RTT).

- f. Menjalankan tugas WGS 84/GPS Survey dan menyelenggara peralatannya.
- g. Merancang program kalibrasi bulanan, mengurus dan menyimpan rekod kalibrasi.

4.1.2 Aspek Kejuruteraan

- a. Memantau tugas-tugas yang dijalankan oleh pihak kontraktor yang menyelenggara pesawat.
- b. Menentukan pesawat berada dalam keadaan selamat untuk membuat penerbangan dengan membuat pemeriksaan Pre-Flight and Post-Flight Checks dan Hangarage serta menentukan jumlah keperluan bahan api dan minyak pelincir.
- c. Menjalankan pemeriksaan penyelenggaraan ground equipment berkaitan dan penyelenggaraan woksypop teknikal.
- d. Membantu menguruskan rekod-rekod operasi teknikal seperti Service Bulletin, Service Letter, Airworthiness Directives dan Letter To Organisation dan mengurus alat-alat ganti pesawat.

4.2 Penolong Pemeriksa Kapal Terbang Gred A38

- a. Bertanggungjawab memastikan semua dokumen dan undang-undang yang telah ditetapkan melalui MCAR/ICAO/FAA dan sebagainya yang terpakai dikemas kini dan dilaksanakan.
- b. Memantau pembelian peralatan alat-alat ganti FIS dan pesawat.

5. HUBUNGAN KERJA

Dalaman

- a. Rakan sekerja dalam bahagian.
- b. Pegawai dan kakitangan dalam organisasi yang sama.

Luaran

- a. Kementerian/ Jabatan dan agensi-agensi kerajaan.

- b. Agensi antarabangsa seperti ICAO/ FAA.
- c. Pengendali-pengendali lapangan terbang.

6. PERSEKITARAN KERJA

- a. Dalam dan luar pejabat.
- b. Dalam dan luar negara (Brunei).

7. KEBOLEHAN YANG DIUTAMAKAN (PENGETAHUAN/KEMAHIRAN)

- a. Berkelulusan Diploma yang diiktiraf dengan keutamaan dalam bidang kejuruteraan Elektronik/Komunikasi, Elektrik, Mekanikal dan Aeronautik.
- b. Berkemahiran dalam mengendalikan komputer (software/ hardware).
- c. Boleh berkomunikasi dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris dengan baik.

8. SIFAT-SIFAT YANG BERSEBUAIAN DENGAN JAWATAN

- a. Disiplin diri.
- b. Bertanggungjawab.
- c. Teliti dan tegas.
- d. Profesionalisme.
- e. Tahan lasak.
- f. Amanah.

9. ANCAMAN/ BAHAYA

- a. Risiko besar semasa melaksanakan tugas kalibrasi dalam pesawat dengan membuat profil tertentu.
- b. Risiko tekanan dalam memastikan peralatan yang diuji akan digunakan oleh pesawat komersial adalah selamat untuk digunakan.

Sumber : Surat daripada Jabatan Penerbangan Awam Malaysia Ruj. (38)
DCA/TAD/1/13.69(S) Jld.3bertarikh 14 Mei 2012